



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Sarawak
Kampus Mukah



3rd Issue

VOLUME 1

JUNE 2024

UiTM MUKAH BULLETIN

Inov Dengan UiTM Mukah?

HIGHLIGHTS:

- Program Bicara Ilmu "Keusahawanan Belia, Tunjang Masa Depan Koperasi, Pemangkin Ekonomi Negara" UiTM Mukah 2023
- MATH STEP-UP@UiTM Bantu Komuniti Pelajar & Guru Mendalami Ilmu Matematik
- Embracing Cultural Diversity: Virtual Inbound Outbound Mobility Programme Between Universiti Teknologi Mara (UiTM) Sarawak Mukah Campus & Rajabhat University, Thailand
- Wacana Harmoni Perancangan Strategik Peringkat UiTM Kampus Mukah 2024
- Penjurian Inap Desa di Kampung Tellian, Mukah: Dari Kaca Mata Juri





TABLE OF CONTENT



01.

From Deputy Rector's Desk

02.

From Assistant Rector's Desk

03.

Chief Editor's Note

04.

Editorial Board

05.

Highlights

10.

News and Articles

26.


Creative Writing


29.

Congratulations!

31.

Press and Media Coverage





EDITORIAL

BOARD



Associate Professor Ts. ChM. Dr. Mohammad Isa Mohamadin

Patron

Associate Professor Dr. Abdul Razak Abdul Kadir

Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi

Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**

Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph

Ms. Cindy Robert

Ms. Fakhira Jafri

Mr. Shileyusken Mijen

Webmaster

Mrs. Irene Seluroh

Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat

Photographer

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 28 June 2024

HIGHLIGHTS

MATH STEP-UP@UiTM Bantu Komuniti Pelajar & Guru Mendalami Ilmu Matematik

Penulis: **Hazfina Mohamed Idris & Puteri Faida Alya Zainuddin**

Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi, UiTM Kampus Mukah melalui Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik (KPPIM) telah menganjurkan Projek Komuniti Math Step-Up@UiTM pada 27 April 2024 yang lalu. Program yang berlangsung satu hari ini terhasil atas usaha kerjasama antara Biro Pendidikan Mukah, Pejabat Pendidikan Daerah Mukah dan Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi, UiTM Kampus Mukah.

Seramai 60 orang murid calon SPM 2024 sekitar bahagian Mukah dari pelbagai sekolah bersama 15 orang guru Matematik telah hadir pada hari tersebut. Program ini turut dibantu oleh beberapa orang pelajar UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah yang telah ditugaskan sebagai urusetia program.



Sesi penyampaian hadiah kepada para peserta bagi pertandingan Matematik yang disampaikan oleh Yang Berhormat Encik Royston bin Valentine

Antara aktiviti yang diadakan dalam projek satu hari tersebut adalah sesi perkongsian inovasi pengajaran dan pembelajaran (PdP) Matematik yang telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Tang Howe Eng. Selain itu, program ini turut memfokuskan kepada aktiviti latihan dalam kumpulan (LDK) serta pertandingan Matematik.

Untuk sesi LDK, beberapa pensyarah KPPIM telah ditugaskan sebagai penceramah bagi penyampaian modul kepada para peserta. Modul-modul dalam sesi LDK tertumpu kepada tiga silibus utama Matematik SPM iaitu Persamaan Kuadratik Dalam Satu Pemboleh Ubah, Rangkaian Dalam Teori Graf, serta Sukatan Gerakan Data Tak Terkumpul. Modul-modul yang telah dirancang khas buat program ini bertujuan untuk menaikkan semangat para peserta dalam mendalami ilmu Matematik.



Sesi bergambar usai Majlis Perasmian Penutup

Program ini diakhiri dengan Majlis Perasmian Penutup yang telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Encik Royston bin Valentine selaku Ahli Dewan Undangan Negeri N.57 Tellian merangkap Pengerusi Biro Pendidikan Mukah. Majlis tersebut turut dihadiri oleh Prof. Madya Dr. Abdul Razak bin Abdul Kadir, Penolong Rektor UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah serta Dr. Mohamed Khirul Nizzuan bin Hamzah selaku wakil Pegawai Pendidikan Daerah Mukah. Para peserta mempamerkan rasa keterujaan yang tinggi sepanjang program berlangsung, terutamanya semasa sesi kuiz Matematik. Program ini memberi impak yang positif dalam menaikkan motivasi dan semangat pelajar dalam menguasai subjek Matematik di peringkat sekolah menengah. Diharapkan program sebegini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.